

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Rabu, 8 Jun 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA MENGIKUT NEGERI 2022

SEMUA NEGERI MENCATATKAN PENINGKATAN JUMLAH DAGANGAN PADA TAHUN 2021 DENGAN NILAI DAGANGAN RM2.2 TRILION

PUTRAJAYA, 8 Jun 2022 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengeluarkan laporan Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2022 bagi tahun rujukan 2021. Prestasi perdagangan dunia kembali kukuh selepas mengalami gangguan rantai bekalan global serta ketidakpastian ekonomi yang tercetus akibat pandemik COVID-19. Pemulihan ekonomi global didorong oleh strategi pemulihan ekonomi yang dilaksanakan oleh setiap negara dan peningkatan pesat kadar vaksinasi sekali gus menyumbang kepada peningkatan permintaan barangan dan perkhidmatan. Jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2021 merekodkan pencapaian baharu, melepasi RM2 trilion dan mencatatkan pertumbuhan terpanjang sejak 1994. Nilai perdagangan Malaysia pulih semula dengan pertumbuhan dua angka 24.8 peratus kepada RM2.2 trilion berbanding RM1.8 trilion pada tahun 2020, selepas mencatatkan pertumbuhan negatif selama dua tahun berturut-turut. Semua negeri mencatatkan peningkatan jumlah dagangan yang didominasi oleh negeri Selangor (+RM112.6 bilion), Pulau Pinang (+RM94.4 bilion) dan Johor (+RM87.4 bilion) seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA MENGIKUT NEGERI 2022**.

Dalam satu kenyataan pada hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Eksport Malaysia bernilai RM1,239.8 bilion pada 2021, meningkat 26.0 peratus berbanding RM983.8 bilion pada tahun 2020. Eksport lebih tinggi direkodkan bagi semua negeri iaitu Selangor (+RM62.8 bilion), Pulau Pinang (+RM49.9 bilion), Johor (+RM47.9 bilion), Sarawak (+RM17.6 bilion), Kedah (+RM12.8 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM12.1 bilion), Perak (+RM11.3 bilion), Sabah (+RM10.4 bilion), Pahang (+RM10.3 bilion),

Terengganu (+RM8.5 bilion), Melaka (+RM7.9 bilion), Negeri Sembilan (+RM3.1 bilion), W.P. Labuan (+RM1.0 bilion), Perlis (+RM177.2 juta) dan Kelantan (+RM97.1 juta)".

Antara lima negeri pengekspor utama, Pulau Pinang kekal sebagai pengekspor utama dengan sumbangan 29.3 peratus, diikuti oleh Johor (20.6%), Selangor (19.0%), Sarawak (6.8%) dan W.P. Kuala Lumpur (3.5%). Pengembangan eksport disokong oleh eksport litar elektronik bersepadu yang kukuh di Pulau Pinang. Selain itu, eksport yang tinggi dicatatkan di Johor disumbangkan oleh produk petroleum bertapis, manakala sarung tangan getah merupakan penyumbang utama eksport di negeri Selangor. Gas asli cecair (LNG) pula merupakan penyumbang utama eksport di Sarawak.

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Ketua Perangkawan memaklumkan, "Import juga mencatatkan peningkatan sebanyak 23.3 peratus kepada RM987.2 bilion pada 2021 berbanding RM800.5 bilion pada tahun sebelumnya. Peningkatan import dicatatkan di Selangor (+RM49.8 bilion), Pulau Pinang (+RM44.5 bilion), Johor (+RM39.5 bilion), Kedah (+RM19.4 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM10.2 bilion), Negeri Sembilan (+RM9.8 bilion), Perak (+RM9.1 bilion), Sarawak (+RM4.6 bilion), Pahang (+RM2.7 bilion), Melaka (+RM2.6 bilion), Terengganu (+RM1.2 bilion), Kelantan (+RM642.5 juta) dan Perlis (+RM141.3 juta). Walau bagaimanapun, import menurun di Sabah (-RM8.7 bilion) dan W.P. Labuan (-RM908.4 juta)".

Selangor kekal sebagai pengimport utama dengan sumbangan 27.0 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (23.5%), Johor (20.0%), W.P. Kuala Lumpur (7.3%) dan Kedah (5.9%). Import yang tinggi dicatatkan di Selangor dan W.P. Kuala Lumpur disumbangkan oleh barangan elektrik dan elektronik lain. Di samping itu, litar elektronik bersepadu merupakan penyumbang utama import di Pulau Pinang dan Kedah. Manakala keluaran petroleum bertapis merupakan penyumbang utama import di Johor.

Penerbitan ini mengandungi statistik Perdagangan Antarabangsa (barangan) berkaitan eksport dan import di peringkat negeri dengan seluruh dunia dari tahun 2016 hingga 2021. Penerbitan ini juga menyediakan statistik terperinci bagi setiap negeri mengikut komoditi utama / terpilih, negara asal dan negara destinasi bagi tahun 2019 hingga 2021.

Statistik Perdagangan Malaysia mengikut Negeri 2022 bertujuan untuk menyediakan statistik terperinci di peringkat negeri kepada pihak berkepentingan. Statistik komprehensif ini dihasilkan dari modul *Trade Enterprise Characteristics* (TEC), iaitu salah satu inisiatif Jabatan di bawah *Statistics Big Data Analytics* (STATSBDA). TEC mengintegrasikan dua domain statistik yang berbeza iaitu pangkalan data perdagangan barangan antarabangsa dan *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR). Statistik ini memberikan maklumat penting kepada penggubal dasar untuk merangka perancangan strategik bagi negeri-negeri yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.

Paparan 1: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri, 2021




JABATAN PERDAGANGAN
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA



STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA MENGIKUT NEGERI 2021

RM BILION



Eksport
RM1,239.8 b

▲ 26.0%
(2020: RM983.8 b)

Import
RM987.2 b

▲ 23.3%
(2020: RM800.5 b)

Jumlah Dagangan
RM2,227.0 b

▲ 24.8%
(2020: RM1,784.3 b)

Imbangan Dagangan
RM252.6 b

▲ 37.7%
(2020: RM183.3 b)



Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (melangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkau pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau perikaran yang dilakukan oleh ejen pengantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai import atau eksport bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.
3. Angka dalam kurungan adalah peratus sumbangan kepada eksport atau import di setiap negeri.
4. Data adalah provisional dan terakik kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.

Sumber: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Paparan 2: Tiga Produk Eksport dan Import Tertinggi Mengikut Negeri, 2021



JABATAN PERDAGANGAN
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA



TIGA PRODUK EKSPORT TERTINGGI MENGIKUT NEGERI, 2021

Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri

TIGA PRODUK IMPORT TERTINGGI MENGIKUT NEGERI, 2021

JOHOR Keluaran petroleum bertapis RM6,879 juta (21.8%) Litar elektronik bersepadu RM104,681 juta (18.8%) Barangan elektrik & elektronik lain RM18,483 juta (7.2%)	KEDAH Litar elektronik bersepadu RM14,187 juta (36.3%) Injap dan tiub lain, fotosel, d.i.l. RM3,626 juta (9.0%) Barangan elektrik & elektronik lain RM2,974 juta (7.4%)	KELANTAN Injap dan tiub lain, fotosel, d.i.l. RM879 juta (23.5%) Petroleum mentah RM652 juta (18.3%) Getah asli RM580 juta (15.5%)	JOHOR Keluaran petroleum bertapis RM61,047 juta (30.9%) Litar elektronik bersepadu RM20,493 juta (10.4%) Barangan elektrik & elektronik lain RM6,693 juta (3.4%)	KEDAH Litar elektronik bersepadu RM29,851 juta (51.3%) Kristal piezo elektrik & alat ganti RM3,382 juta (5.8%) Perkakas kir elektrik & alat ganti RM2,591 juta (4.5%)	KELANTAN Kristal piezo elektrik & alat ganti RM255 juta (8.1%) jentera & kelenkapan khusus untuk mampat tertentu & alat ganti RM105 juta (2.9%) Barangan elektrik & elektronik lain RM97 juta (2.7%)
MELAKA Keluaran petroleum bertapis RM10,438 juta (27.9%) Litar elektronik bersepadu RM7,762 juta (20.7%) Injap dan tiub lain, fotosel, d.i.l. RM4,555 juta (12.2%)	NEGERI SEMBILAN Barangan elektrik & elektronik lain RM3,097 juta (13.4%) Sarung tangan getah RM2,047 juta (8.8%) Litar elektronik bersepadu RM1,831 juta (7.9%)	PAHANG Botang pipih, batang bulat, d.s.b. daripada besi dan keluli RM13,887 juta (38.2%) Oleokimia berasaskan kelapa sawit RM3,192 juta (8.2%) Keluaran petroleum bertapis RM1,503 juta (4.9%)	MELAKA Petroleum mentah RM5,110 juta (19.5%) Litar elektronik bersepadu RM3,535 juta (13.5%) Keluaran besi gred rata atau kecil RM1,391 juta (5.3%)	NEGERI SEMBILAN Petroleum mentah RM5,329 juta (16.3%) Kristal piezo elektrik & alat ganti RM1,642 juta (5.0%) Keluaran petroleum bertapis RM1,335 juta (4.1%)	PAHANG Keluaran petroleum bertapis RM2,915 juta (17.6%) Keluaran besi gred rata atau kecil RM392 juta (2.4%) Saluran, paip dan pasangan besi/keluli RM376 juta (2.3%)
PULAU PINANG Litar elektronik bersepadu RM142,548 juta (38.3%) Barangan elektrik & elektronik lain RM49,493 juta (13.8%) Alat & perkakas elektronik, sains dan kawalan, t.z.t. RM29,653 juta (7.9%)	PERAK Sarung tangan getah RM12,269 juta (29.0%) Litar elektronik bersepadu RM7,762 juta (20.7%) Kelengkapan telekomunikasi, alat ganti & aksesori RM4,377 juta (10.4%)	PERLIS Pakaihan & kelenkapan tergelih RM326 juta (28.2%) Barangan elektrik & elektronik lain RM123 juta (10.8%) Oleokimia berasaskan kelapa sawit RM39 juta (3.3%)	PULAU PINANG Litar elektronik bersepadu RM74,160 juta (32.0%) Kristal piezo elektrik & alat ganti RM3,097 juta (8.9%) Barangan elektrik & elektronik lain RM20,047 juta (8.6%)	PERAK Kristal piezo elektrik & alat ganti RM3,097 juta (8.9%) Litar elektronik bersepadu RM2,777 juta (6.2%) Barangan elektrik & elektronik lain RM1,314 juta (3.8%)	PERLIS Sayur-sayuran RM106 juta (12.3%) Barangan elektrik & elektronik lain RM55 juta (6.4%) Perkakas kir elektrik & alat ganti RM50 juta (5.8%)
SELANGOR Sarung tangan getah RM34,510 juta (14.7%) Litar elektronik bersepadu RM18,505 juta (8.0%) Barangan elektrik & elektronik lain RM17,806 juta (7.5%)	TERENGGANU Keluaran petroleum bertapis RM5,399 juta (24.2%) Petroleum mentah RM2,810 juta (12.6%) Sarung tangan getah RM353 juta (1.6%)	SABAH Minyak kelapa sawit RM16,899 juta (49.2%) Petroleum mentah RM6,091 juta (17.7%) Gas asli cecair - LNG RM2,632 juta (7.7%)	SELANGOR Barangan elektrik & elektronik lain RM16,541 juta (6.3%) Kelengkapan telekomunikasi, alat ganti & aksesori RM14,995 juta (5.6%) Keluaran petroleum bertapis RM8,754 juta (3.3%)	TERENGGANU Petroleum mentah RM399 juta (7.4%) Gula daripada bit atau tebu RM369 juta (6.8%) Kelengkapan pemangsaan & pemangsaan & alat ganti RM254 juta (4.7%)	SABAH Baja, dikilangkan RM1,214 juta (14.8%) Keluaran petroleum bertapis RM767 juta (9.4%) Beras RM493 juta (6.0%)
SARAWAK Gas asli cecair - LNG RM3,657 juta (38.7%) Minyak kelapa sawit RM14,570 juta (17.8%) Petroleum mentah RM4,571 juta (5.4%)	W.P. KUALA LUMPUR Minyak kelapa sawit RM5,373 juta (12.2%) Barangan elektrik & elektronik lain RM5,156 juta (11.7%) Keluaran petroleum bertapis RM4,160 juta (9.9%)	W.P. LABUAN Petroleum mentah RM2,857 juta (45.3%) Metanol RM2,020 juta (32.0%) Besi briket/panas RM736 juta (11.7%)	SARAWAK Barangan elektrik & elektronik lain RM1,976 juta (8.4%) Keluaran petroleum bertapis RM943 juta (4.0%) Baja, dikilangkan RM786 juta (3.3%)	W.P. KUALA LUMPUR Barangan elektrik & elektronik lain RM5,087 juta (7.1%) Kelengkapan telekomunikasi, alat ganti & aksesori RM4,008 juta (5.6%) Keluaran petroleum bertapis RM3,630 juta (5.6%)	W.P. LABUAN Saluran, paip dan pasangan besi/keluli RM782 juta (9.0%) Alat & perkakas mengukur, mengkalibrasi & kawalan RM148 juta (7.3%) Jentera & kelenkapan khusus untuk mampat tertentu & alat ganti RM90 juta (4.4%)

Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (mencangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat keperluan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau periklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai import atau eksport bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.
3. Angka dalam kurungan adalah peratus sumbangan kepada eksport atau import di setiap negeri.
4. Data adalah provisional dan terakut kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.

Sumber: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Paparan 3: Tiga Destinasi Eksport dan Sumber Import Tertinggi Mengikut Negeri, 2021




JABATAN PERDAGANGAN
MALAYSIA



TIGA DESTINASI EKSPORT TERTINGGI MENGIKUT NEGERI, 2021

Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri

TIGA SUMBER IMPORT TERTINGGI MENGIKUT NEGERI, 2021



Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau periklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai import atau eksport bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.
3. Angka dalam kurungan adalah peratus sumbangan kepada eksport atau import di setiap negeri.
4. Data adalah provisional dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.

Sumber: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA

8 JUN 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

PRESS STATEMENT

FOR MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS BY STATE 2022

ALL STATES RECORDED AN INCREASE IN TOTAL TRADE IN 2021 WITH A TRADE VALUE OF RM2.2 TRILLION

PUTRAJAYA, 8 June 2022 – Department of Statistics, Malaysia (DOSM) has released the report on Malaysia Trade Statistics by State 2022 for reference year 2021. World trade return to strength after experiencing the disruption of the global supply chain as well as economic uncertainty triggered by the COVID-19 pandemic. The global economic recovery is driven by economic recovery strategies implemented by each country and the rapid increase in vaccination rates thus contributing to the increase in demand for goods and services. Malaysia's total trade in 2021 recorded a new achievement, surpassing RM2 trillion and recorded the fastest growth since 1994. Malaysia's trade value recovered with double-digit growth of 24.8 per cent to RM2.2 trillion from RM1.8 trillion in 2020, after recording negative growth for two consecutive years. All states recorded an increase in total trade dominated by Selangor (+RM112.6 billion), Pulau Pinang (+RM94.4 billion) and Johor (+RM87.4 billion) as reported today in **MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS 2022**.

In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "Malaysia's exports valued at RM1,239.8 billion in 2021, weighed up 26.0 per cent as compared to RM983.8 billion in 2020. The increase in exports was due to the higher exports by all states namely Selangor (+RM62.8 billion), Pulau Pinang (+RM49.9 billion), Johor (+RM47.9 billion), Sarawak (+RM17.6 billion), Kedah (+RM12.8 billion), W.P. Kuala Lumpur (+RM12.1 billion), Perak (+RM11.3 billion), Sabah (+RM10.4 billion), Pahang (+RM10.3 billion), Terengganu (+RM8.5 billion), Melaka (+RM7.9 billion),

Negeri Sembilan (+RM3.1 billion), W.P. Labuan (+RM1.0 billion), Perlis (+RM177.2 million) and Kelantan (+RM97.1 million)”.

Among the top five major exporting states, Pulau Pinang remained as the top exporter with a share of 29.3 per cent, followed by Johor (20.6%), Selangor (19.0%), Sarawak (6.8%) and W.P. Kuala Lumpur (3.5%). The export expansion was underpinned by strong exports of electronic integrated circuits in Pulau Pinang. Meanwhile, higher exports recorded in Johor were contributed by refined petroleum products, while rubber gloves were the main contributors of exports in Selangor. Liquefied natural gas (LNG) was the main contributor of exports in Sarawak”.

Looking at the performance of imports by state, the Chief Statistician informed, “Imports also recorded an increase of 23.3 percent to RM987.2 billion in 2021 as against RM800.5 billion in the previous year. The increase in imports was due to higher imports from Selangor (+RM49.8 billion), Pulau Pinang (+RM44.5 billion), Johor (+RM39.5 billion), Kedah (+RM19.4 billion), W.P. Kuala Lumpur (+RM10.2 billion), Negeri Sembilan (+RM9.8 billion), Perak (+RM9.1 billion), Sarawak (+RM4.6 billion), Pahang (+RM2.7 billion), Melaka (+RM2.6 billion), Terengganu (+RM1.2 billion), Kelantan (+RM642.5 million) and Perlis (+RM141.3 billion). However, the value of imports decreased in Sabah by RM8.7 billion and W.P. Labuan (-RM908.4 million)”.

Selangor remained as the largest importer with a share of 27.0 per cent, followed by Pulau Pinang (23.5%), Johor (20.0%), W.P. Kuala Lumpur (7.3%) and Kedah (5.9%). Higher imports recorded in Selangor and W.P. Kuala Lumpur were contributed by other electrical and electronic products. In addition, electronic integrated circuits were the main contributors of imports in Pulau Pinang and Kedah. Meanwhile, refined petroleum products were the main contributors of imports in Johor.

This publication contains statistics of Malaysia’s External Trade (merchandise) on imports and exports at the state level with the rest of the world from 2016 to 2021. In addition, this publication provides detailed statistics for each state according to major / selected commodities, country of origin and destination from 2019 to 2021.

Malaysia External Trade Statistics by State 2022 aims to provide detailed statistics at the state level to the stakeholders. These comprehensive statistics are generated from the Trade Enterprise Characteristics (TEC) module which is one of the Department's initiatives under the Statistics Big Data Analytics (STATSBDA). TEC integrates two different statistics domains: the international merchandise trade database and Malaysia Statistical Business Register (MSBR). These statistics provide imperative information to policymakers to formulate strategic planning for states involved in international trade.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.

Exhibit 1: Malaysia External Trade Statistics by State, 2021




Exhibit 2: Top 3 Export and Import Products by State, 2021





Exhibit 3: Top 3 Export Destinations and Import Sources by State, 2021



Released by:
THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIANS MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

8 JUNE 2022